

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 17

Tidak PADU tanpa Akta Omnibus

Tidak PADU tanpa Akta Omnibus



DESAS
DESUS

ELVIZA MICHELE KAMAL

Malaysia berada di tempat kelapan tertinggi dalam kes pencerobohan data daripada 200 buah negara, pada suku ketiga 2023 – menurut dapatan tinjauan syarikat keselamatan siber, Surfshark Survey. Dari sudut ketumpatan pencerobohan pula, tinjauan yang sama melaporkan negara berada di tempat kelima tertinggi dengan anggaran 5,436 akaun diceroboh setiap hari.

Lebih runcing apabila laporan *Mid-Year Threat Landscape 2023*, terbitan CyberSecurity Malaysia mendedahkan kadar pencerobohan yang membimbangkan: sektor kerajaan menyumbang 22 peratus daripada pencerobohan, diikuti telekomunikasi 9 peratus. Sektor pendidikan dan runcit masing-masing menyumbang 6 peratus, sementara pelbagai sektor lain menyumbang baki 48 peratus.

Agensi pakar keselamatan siber nasional di bawah kelolaan Kementerian

Komunikasi dan Digital itu turut menyatakan, kementerian dan agensi kerajaan terdedah kepada risiko siber yang signifikan, termasuk perisian yang rentan, kawalan akses yang lemah, pendedahan data, dan isu kritikal lain.

Mid-Year Threat Landscape 2023 itu turut membuat unjuran bahawa terdapat tiga sektor berisiko paling tinggi dalam isu pencerobohan data: kerajaan, telekomunikasi dan logistik. Jelas, kedua-dua akta sedia ada sekarang – Akta Perlindungan Data Peribadi 2020 (PDPA) dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) – tidak cukup untuk menjamin keselamatan data peribadi rakyat dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Pelaksanaan undang-undang juga longgar kerana setakat tahun lepas, hanya 20 syarikat didakwa dari tahun 2017 hingga 2021 dalam kes pencerobohan data dengan purata denda RM24,000 sahaja.

Tiada data tindakan undang-undang terhadap pencerobohan data kerajaan kerana kerajaan dikecualikan di bawah PDPA. Di atas landskap pencerobohan di atas, rakyat diwajibkan mendaftar dan memasukkan maklumat peribadi ke dalam Pangkalan Data Utama (PADU) sebelum 31 Mac. Sebagai konteks, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan portal PADU pada 2 Januari lalu. Portal ini bertanggungjawab dalam

kapasiti sebagai sistem pangkalan data sosioekonomi kerajaan, bertujuan untuk mengelakkan keciciran bantuan dan ke arah pengagihan subsidi bersasar.

Soal pemberian subsidi pukat negara telah lama berlarutan dan mencapai titik kronik pada tahun 2023, apabila jumlah subsidi yang perlu dibayar kerajaan mencecah RM80 bilion. Malah pada tahun 2022, kiraan rasmi menunjukkan kerajaan membelanjakan RM395.2 bilion – RM61 bilion lebih dari anggaran asal yang dibentangkan dalam Belanjawan 2022 – disebabkan oleh faktor pembayaran bil subsidi. Bukan hanya beban subsidi, kewangan negara turut dihipit ketegangan politik berpanjangan dan menekan prestasi ringgit di rantau ini.

Ringgit disorot penganalisis ekonomi sebagai mata wang berprestasi paling buruk di kalangan negara membangun Asia sepanjang 2023, sejajar dengan penurunan harga minyak dunia dan kemerosotan eksport negara. Pada masa yang sama, rekod rasmi Bank Negara menunjukkan pinjaman bersih kerajaan dalam bentuk terbitan bon, telah naik sebanyak RM100 bilion sepanjang setahun Anwar mengetuai Kerajaan Madani; dan naik RM10 bilion lagi setakat Januari 2024. Pun begitu, getir keadaan fiskal negara dan keperluan untuk menstrukturkan semula subsidi pukat, soal per-

indungan data peribadi tidak boleh dibelakangi.

Justeru, yang pertama, Dewan Rakyat perlu meminda PDPA untuk menetapkan tanggungjawab dan liabiliti kepada kerajaan terhadap data yang telah dikumpul. Kedua, lebih jitu sekiranya OSA juga dipinda untuk memasukkan data peribadi menjadi sebahagian jadual di bawah akta itu. Ketiga, penggabalan Akta Omnibus mengambil tempat terpenting dalam urusan portal PADU demi menjamin keselamatan dan membenarkan secara sah di sisi undang-undang perkongsian data di antara jabatan dan agensi kerajaan.

Tanpa rombakan akta-akta sebelum ini, tanpa penggabalan Akta Omnibus, PADU akan menuju destinasi yang digelar orang Melayu: rumah siap pahat berbunyi. Dan tingkap yang perlu dijenguk untuk mengambil pengajaran tentang perlindungan data peribadi ada di dalam rumah Kesatuan Eropah: *General Data Protection Regulation 2016/679*. Masa tidak menyebelahi Putrajaya untuk segera merombak sistem subsidi negara, tetapi melancarkan PADU sebelum menggubal Akta Omnibus adalah non sequitur.

* Elviza pernah menulis untuk dua Perdana Menteri, sekarang tinggal di Shah Alam bersama anakanda Luqman.